



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**PROGRAM RAMAH MESRA YB MENTERI  
WILAYAH BERSAMA PENJAWAT AWAM  
WP LABUAN**

**MAWILLA YATCH, JALAN TANJUNG BATU,  
WP LABUAN**

**16 FEBRUARI 2019 (SABTU)  
JAM 8.30 PAGI**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum**

**Warahmatullahi**

**Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera**

**(SALUTASI)**

## **PENDAHULUAN**

**Saya memanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Program Ramah Mesra Bersama Penjawat Awam Wilayah Persekutuan Labuan pada hari ini secara santai di Pulau Labuan yang cukup indah ini.**

**Program Ramah Mesra yang kita adakan pada hari ini adalah merupakan program yang julung kali diadakan dalam mengeratkan hubungan**

**serta dapat mengenali semua penjawat awam di WP Labuan dengan lebih rapat lagi. Semoga perjumpaan pada hari ini akan mengikat ukhwah kita dan mendapat manfaat terbaik kepada kita semua.**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

**Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam dan keluarga yang dapat hadir bersama-sama saya pada hari ini. Saya maklum bahawa, hari ini merupakan hari untuk tuan/puan berehat dan bersantai bersama-sama keluarga. Namun, semangat tuan/puan semua menunjukkan bahawa penjawat awam yang ada di WP Labuan ini sangat komited dan menerima baik kepemimpinan kerajaan yang baharu. Semangat dan kesungguhan ini mencerminkan sikap penjawat**

**awam yang positif dan bertanggungjawab. Teruskan semangat ini bagi memastikan kelancaran urusan pentadbiran negara demi masa depan anak bangsa kita semua.**

## **MENSEJAHTERAKAN PERKHIDMATAN AWAM**

**Umumnya kita ketahui, kebelakangan ini imej perkhidmatan awam agak sedikit tercalar akibat terkait dengan beberapa isu seperti isu integriti dan tadbir urus di kalangan penjawat awam. Sebagai sebuah institusi yang menjadi tulang belakang negara, kita seharusnya berani bertindak untuk terus mempertingkatkan tadbir urus yang cekap dalam pelaksanaan tugas kepada masyarakat agar ianya tidak dipandang serong.**

**Perkhidmatan awam yang dilihat berfungsi sebagai institusi pelaksana harus sentiasa**

**berada di barisan hadapan dalam menyantuni rakyat. Sekiranya terdapat jurang di antara perkhidmatan awam dan rakyat, maka ianya perlu ditutup supaya perasaan pemilikan (*sense of ownership*) dapat diresapi oleh semua lapisan masyarakat.**

**Dalam memberi khidmat terbaik kepada negara, kita sebagai penjawat awam perlu sentiasa bersedia berganding bahu melaksanakan perubahan dalam mengharungi segala bentuk cabaran yang dihadapi. Aspek pengurusan kos perlu diberi penekanan supaya ianya lebih cekap dan berkesan bagi memastikan tiada pembaziran.**

**Dalam mendepani cabaran dunia tanpa sempadan, setiap penjawat awam perlu menjadi pemimpin yang mampu berfikir secara kreatif dan kritis, dan bukan hanya menjadi seorang**

**pengikut. Harus diingatkan, zaman di mana penjawat awam perlu menuruti arahan membuta tuli telah berlalu dengan kewujudan Malaysia baharu di bawah kerajaan Pakatan Harapan.**

**Bagi memastikan integriti perkhidmatan awam tidak dipertikaikan, pemisahan kuasa di antara badan pemerintah (*executive*), perundangan (*legislative*) dan kehakiman (*judiciary*) perlu diutamakan.**

**Namun, segala pendekatan baharu ini tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya kita semua masih dibuai mimpi lama. Bak kata pepatah, “*asyik memangku tangan, mati dalam angan-angan*”. Seharusnya, dalam masa yang terhad ini, penjawat awam perlu bertindak dengan pantas dalam tugas berlandaskan kepada slogan yang telah dicipta oleh YAB**

**Perdana Menteri kita iaitu “bersih, cekap dan amanah”.**

**Ketika kita semua melangkah ke era Malaysia Baharu, perkhidmatan awam juga harus tekad untuk maju sederap dalam memberi khidmat terbaik kepada nusa dan bangsa. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada semua penjawat awam agar dapat bergerak sebagai satu entiti yang kuat supaya Malaysia Baharu semakin maju ke depan dan terkenal di mata dunia.**

## **AKHBAR MINGGUAN WILAYAHKU**

**Saya juga ingin berkongsi tentang penerbitan akhbar Wilayahku yang telah berjaya diterbitkan pada awal bulan Januari 2019. Penerbitan akhbar ini dilaksanakan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan dan mendapat sokongan penuh**

**daripada Kementerian Wilayah Persekutuan. Akhbar ini diedarkan secara percuma kepada orang ramai khususnya kepada warga KL, Putrajaya dan Labuan mengenai isu-isu semasa yang berlaku di dalam Wilayah Persekutuan. Oleh itu, saya berharap selepas ini semua ketua jabatan dan agensi kerajaan di pulau mutiara ini dapat memberikan maklumat mengenai program/inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan masing-masing bagi maklumat tersebut dimasukkan ke dalam akhbar Wilayahku.**

**“WILAYAH PEDULI, HARAPAN DIPENUHI”  
(*CARING WILAYAH, REALIZING ASPIRATION*)**

**Sebagaimana yang diketahui, saya telah melancarkan 6 teras untuk dilaksanakan sepanjang tahun ini dengan tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”. Ia bertujuan untuk**



**memacu pembangunan kita dengan wawasan yang betul dan mempunyai halatuju yang jelas. Saya berharap warga Labuan mempunyai wawasan yang sama.**

**Dari segi pembangunan sosio ekonomi rakyat di Wilayah Persekutuan, satu program kebajikan Wilayah Persekutuan yang komprehensif telah dirangka bagi memberi manfaat kepada semua warga Wilayah Persekutuan. Program-program kebajikan ini merangkumi semua golongan sasar seperti penyediaan :-**

- (i) Tabung bencana Labuan;**
- (ii) Infra Wilayah Labuan;**
- (iii) Program jati diri remaja;**
- (iv) Program menyantuni gelandangan;**
- (v) Program kesejahteraan wilayah;**
- (vi) Program ekonomi belia;**

- (vii) Van Wilayah;**
- (viii) Mobile clinic;**
- (ix) Bantuan peralatan kesihatan;**
- (x) Program pembangunan bakat & perniagaan OKU;**
- (xi) Bantuan IPTA;**
- (xii) Bantuan asas;**
- (xiii) Bantuan wicare; dan**
- (xiv) Sewa beli rumah.**

**Tuan / Puan yang dihormati sekalian**

**Wilayah Persekutuan Labuan juga tidak akan ketinggalan dalam rancangan pembangunan walaupun dari segi demografi jarak di antara Labuan dengan Kuala Lumpur dipisahkan oleh Lautan Cina Selatan, namun pihak kementerian akan tetap memberikan sepenuh perhatian kepada pulau ini. Selain itu, beberapa perancangan untuk memantapkan dan**

**merencanakan sektor ekonomi di pulau ini telah dirangka antaranya pembinaan terminal feri baharu dan kini kerajaan sedang giat dalam mengembangkan produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dikembangkan ke tahap yang lebih jauh iaitu selaras dengan fokus KWP.**

**Jutaan terima kasih kepada Jabatan Perikanan Labuan yang telah memberi kelulusan lesen bagi pengusaha-pengusaha bagang yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan ini. Program di bawah inisiatif mensejahterakan rakyat melalui perusahaan ikan bilis secara kaedah bagang ini merupakan sumber pendapatan terkini komuniti Labuan yang mampu menembusi pasaran antarabangsa.**

**Kerjasama berpasukan dan *engagement* (hubungan baik) merupakan strategi terbaik yang boleh diterjemahkan dalam melaksanakan**

**tugas seharian yang diamanahkan kepada kita sebagai penjawat awam. Bekerja secara *silo* mungkin tidak lagi relevan di zaman ini. Kesemua agensi kerajaan yang ada di Labuan ini perlu memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Oleh itu, dalam setiap tugas agensi perlu bekerjasama rapat dengan agensi lain seperti kata pepatah melayu lama “sepakat membawa berkat”.**

## **PENUTUP**

**Harapan saya selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, amat berharap kerjasama dan komitmen yang padu daripada tuan/puan semua. Kerajaan yang dibentuk pada hari ini juga ingin melihat warga perkhidmatan awam yang cukup berintegriti, mempunyai sahsiah diri yang tinggi, komitmen dan kesungguhan**

**dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat. Sekiranya semua yang saya sebutkan itu mampu dilaksanakan maka inilah yang akan menjadikan masyarakat kita terus mengangkat warga perkhidmatan awam ke tahap yang lebih baik.**

**Mengakhiri amanat saya hari ini, sekali lagi saya menyeru semua penjawat awam secara keseluruhannya agar sama-sama membantu pihak kerajaan untuk memulihkan negara sepertimana yang diharapkan oleh YAB Perdana Menteri kita supaya negara kita akan dipandang tinggi seperti suatu ketika dahulu sehinggakan pernah digelar sebagai “Harimau Asia”.**

**Niat yang baik pastinya akan membuahkan hasil yang baik dan begitulah dengan kita selaku penjawat awam perlu berdiri di landasan niat**

**yang baik sekiranya kita ingin melihat negara berada dalam tadbir urus yang betul.**

**Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah  
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**